



## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

### KENYATAAN MEDIA

#### *Program ASEAN Youth Volunteer 2025*

**Tarikh** : 12 Julai 2025 (Sabtu)  
**Masa** : 10.30 pagi  
**Tempat** : Auditorium Sasana Kijang Bank Negara Malaysia, WP Kuala Lumpur

1. Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh telah hadir dan merasmikan Program *ASEAN Youth Volunteer* yang berlangsung dari 12 hingga 19 Julai 2025. Program ini merupakan platform serantau penting bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia ASEAN tentang peranan kesukarelawanan sebagai pemangkin dalam sektor ketiga yang memperjuangkan nilai seperti kemanusiaan, kebajikan, demokrasi, kesaksamaan, ekonomi dan pembangunan mampan.
2. Penganjuran program ini bertepatan dengan peranan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 dan sempena pelancaran Visi Komuniti ASEAN 2045. Ia juga selari dengan komitmen negara dalam memperkukuh kerjasama serantau, khususnya dalam melahirkan generasi belia yang berdaya tahan dan berpandangan global serta aktif dalam aksi komuniti rentas negara. **Selaras dengan kerangka Malaysia MADANI, program ini menzahirkan nilai Keterangkuman, Ihsan dan Kesejahteraan, — yang diterjemahkan melalui penekanan kepada kebajikan, kesaksamaan dan kemanusiaan dalam inisiatif kesukarelawanan serantau.** Program ini juga mengangkat penyertaan aktif belia dalam memperjuangkan isu kemasyarakatan merentas sempadan budaya dan negara.
3. Objektif Program *ASEAN Youth Volunteer* adalah untuk:
  - Membangunkan jaringan belia yang inklusif, berdaya tahan dan berdaya saing.
  - Membina barisan kepimpinan melalui kesukarelawanan berasaskan nilai kemanusiaan.
  - Meningkatkan impak sosial berasaskan prinsip kelestarian dan kesejahteraan komuniti.
  - Mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat penggerak agenda kesukarelawanan ASEAN.

4. Forum *ASEAN Youth Volunteer* yang berlangsung hari ini menghimpunkan panelis dan pemimpin muda daripada pelbagai latar belakang, termasuk pembuat dasar dan wakil organisasi serantau. Ia turut disertai secara hibrid oleh peserta antarabangsa dan menjadi medan penting dalam membina solidariti merentasi budaya dan negara.
5. Forum ini menampilkan perbincangan interaktif yang berteraskan empat tema utama yang sejajar dengan agenda ASEAN dan Matlamat Pembangunan Mampan atau Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals - SDGs*):
  - Tema 1 - *Bridging Gaps: Youth Volunteerism for Inclusive Growth*
  - Tema 2 - *Green Horizon: Youth Driving Environmental Change*
  - Tema 3 - *Unity Diversity: Building Social Harmony Through Youth Engagement*
  - Tema 4 - *Tech For Good: Harnessing Digital Tools For Community Empowerment*
6. Dari 13 hingga 19 Julai 2025, peserta akan terlibat dalam pelbagai aktiviti di Sabah dan Sarawak, seperti:
  - latihan kepimpinan;
  - projek komuniti dan jaringan serantau,
  - pertukaran silang budaya; dan
  - perbincangan dasar bersama sukarelawan belia dari negara-negara ASEAN.
7. Antara harapan dan impak program ini terhadap Komuniti ASEAN:
  - Pembentukan pasukan sukarelawan belia serantau yang sedia berkhidmat dan menyumbang kepada masyarakat ASEAN;
  - Peningkatan kesedaran dalam kalangan belia ASEAN terhadap kepentingan kesukarelawanan dalam menangani isu sosial;
  - Melahirkan generasi sukarelawan belia yang sedia berkhidmat tanpa mengira tempat dan masa, menjadikan ASEAN sebagai “Hab Sukarelawan” masa depan.
8. Diharapkan Program *ASEAN Youth Volunteer* dapat menjadi pemangkin kepada pembentukan komuniti ASEAN yang lebih inklusif, berdaya tahan dan berteraskan nilai kemanusiaan. Ia turut memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hub pembangunan belia serantau yang aktif, progresif dan dinamik.
9. Untuk sebarang maklumat lanjut berhubung Program *ASEAN Youth Volunteer* Tahun 2025, boleh menghubungi JBSN melalui talian 03-8871 3748/ [jbsn@kbs.gov.my](mailto:jbsn@kbs.gov.my).

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Belia dan Sukan**

